

KERAJAAN PAHANG TERIMA SUMBANGAN BOT

KUANTAN, 16 DISEMBER 2022 : Kerajaan Negeri Pahang hari ini menerima sumbangan sebuah bot daripada pihak Edgepoint Tower bagi kegunaan ketika bencana.

Majlis penyerahan bot jenis Delta Inflatable R390 berkapasiti antara lapan hingga sembilan penumpang berkenaan telah dilakukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Edgepoint Tower, Encik Munif Kamaruddin kepada YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang, Dato' Indera Nazri Abu Bakar yang mewakili Kerajaan Pahang.

Turut hadir Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Negeri Pahang, Kolonel (PA) Che Adam A Rahman. - **PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi Dan Media Pahang (UKOMP)

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang

Foto : Muhamad Amiruddin Ani (Unit Korporat)

(LIPUTAN BERGAMBAR)





